

Malaysia jadi contoh kepemimpinan diplomatik atasi konflik secara aman

BERITA HARIAN 31 JUL 2025

m/s: 11

Oleh Dr Ahmad Shah Pakeer Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Penamatan konflik antara Thailand dengan Kemboja di Putrajaya memperlihatkan satu lagi kejayaan besar Malaysia apabila ia dimeterai hasil mediasi dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kapasiti negara Pengerusi ASEAN.

Perdamaian ini satu lagi pencapaian dalam rentetan usaha diplomatik Malaysia yang sudah lama berperanan sebagai pendamai serantau dan antarabangsa. Malaysia sangat aktif di peringkat antarabangsa dalam menjadi negara sentiasa ke hadapan apabila membabitkan keamanan di peringkat ASEAN mahupun global.

Malaysia mula terbabit sebagai negara pendamai di peringkat antarabangsa pada Oktober 1960, apabila menyertai Operasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di

Congo (ONUC) dengan menghantar 3,500 anggota Pasukan Khas Melayu.

Sejak itu, Malaysia terus berperanan aktif dalam pelbagai misi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Malaysia menyumbang hampir 40,000 anggota dalam 39 operasi pengaman di seluruh dunia, sekali gus membuktikan komitmen Malaysia terhadap keamanan sejagat.

Pada dekad 1990-an, Malaysia turut terbabit dalam usaha menangani krisis kemanusiaan di Bosnia-Herzegovina. Ketika konflik etnik dan agama memuncak di rantau Balkan, Malaysia tampil se-

bagai antara negara Islam paling lantang menyuarakan kebimbangan terhadap penindasan dihadapi umat Islam Bosnia.

Walaupun jarak Bosnia beribu kilometer, semangat solidariti dan keprihatinan Malaysia terhadap penderitaan umat Islam tidak pernah luntur. Peranan aktif ini bukan sahaja mencerminkan komitmen Malaysia terhadap keadilan dan keamanan sejagat, bahkan memperkukuh imej negara sebagai pendamai berprinsip.

Malaysia sentiasa komited memperjuangkan kemerdekaan Palestin daripada rejim Israel. Malaysia sering bersuara lantang dalam menyeru kepada gencatan senjata, rundingan damai dan penyelesaian diplomatik.

Kita juga menyokong usaha membawa isu kekejaman Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Malaysia bukan sahaja menyokong Palestin dari jauh, bahkan mengangkat suara mereka ke pentas dunia, menjadikan Malaysia sebagai antara pendamai antarabangsa berprinsip dan dihormati.

Pendekatan diplomatik, penyelesaian damai

Pendekatan Malaysia dalam isu ini bukan bersifat retorik semata-mata, tetapi disokong tindakan konkrit berterusan.

Di peringkat ASEAN, Malaysia terus memperkukuh peranan sebagai pendamai serantau. Walaupun ASEAN secara tradisinya mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota, Malaysia tetap menggunakan ruang diplomatik yang ada untuk pendekatan diplomatik dan penyelesaian damai.

Pada 2001, Malaysia menjadi pemudah cara da-

lam proses damai antara kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), iaitu kumpulan pemisah memperjuangkan hak autonomi bagi masyarakat Islam di selatan Filipina, terutama di Mindanao.

Melalui rundingan dianjurkan di Kuala Lumpur, Malaysia membantu mencapai Perjanjian Komprehensif Bangsamoro pada 2014, yang membawa kepada penubuhan Wilayah Autonomi Bangsamoro.

Selain menjadi tuan rumah rundingan, Malaysia turut menghantar pasukan pemantau dan menyumbang kepada kestabilan serantau. Malaysia terus komited dalam menyokong pembangunan semula wilayah Bangsamoro dan memastikan keamanan berkekal.

Yang terbaharu, kejayaan Malaysia dalam membantu perdamaian Thailand dengan Kemboja memperlihatkan keupayaan negara menjadi pendamai global berkesan dan dipercayai.

Kejayaan ini bukan sahaja menamatkan ketegangan dua hala berlarutan, bahkan menunjukkan pendekatan diplomatik dan mediasi diterajui Malaysia mampu menghasilkan penyelesaian damai konstruktif.

Malaysia memanfaatkan kedudukannya untuk membina kepercayaan antara pihak bertelagah, menyediakan ruang rundingan neutral dan memastikan proses damai berjalan secara inklusif dan berterusan.

Kejayaan ini mengukuhkan lagi imej Malaysia sebagai negara bukan sahaja komited terhadap keamanan serantau dan antarabangsa, bahkan mampu menjadi contoh kepemimpinan diplomatik dalam menangani konflik secara aman dan berprinsip.



Pensyarah Kanan Bidang Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM)